

SOALAN NO. 53**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT****PERTANYAAN : LISAN****DARIPADA : YANG BERHORMAT DATO' HAJI MOHD ZAIM
BIN ABU HASAN [PARIT]****TARIKH : 20 MAC 2018****SOALAN :**

YB Dato' Haji Mohd Zaim Bin Abu Hasan [Parit] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah mekanisme yang telah dijalankan oleh Kementerian dalam meneliti cadangan Kongres Kesatuan Pekerja-Pekerja Dalam Perkhidmatan Awam (CEUPACS) untuk mempertimbangkan kenaikan gaji penjawat awam bagi menangani kos sara hidup yang semakin meningkat.

JAWAPAN: YB DATO' SRI AZALINA BINTI OTHMAN SAID,
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI.

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kerajaan sentiasa prihatin terhadap kebijakan penjawat awam dalam menangani kos sara hidup. Setiap cadangan dan input daripada Kongres Kesatuan Pekerja-Pekerja Dalam Perkhidmatan Awam (CUEPACS) akan dipertimbangkan dengan mengambilkira kemampuan kewangan Kerajaan dan dasar-dasar semasa. Mekanisme yang wujud untuk mempertimbangkan kenaikan gaji penjawat awam ialah Jawatankuasa Kabinet Tranformasi Perkhidmatan Awam (JKKTPA) yang dipengerusi oleh YAB Perdana Menteri.

Selain itu, wujud juga inisiatif-inisiatif libat urus untuk mengeratkan hubungan majikan-pekerja perkhidmatan awam di mana suara penjawat awam sentiasa diberi perhatian oleh Kerajaan melalui saluran-saluran seperti berikut:

- (a) Pertemuan atau mesyuarat CUEPACS atau exconya dengan Pegawai Tertinggi Kerajaan;
- (b) Majlis Bersama Kebangsaan;
- (c) Majlis Bersama Jabatan di Kementerian/ Jabatan/ Agensi; dan

- 129
- (d) Sesi perbincangan dua hala dan sesi pemuaafakan kesatuan atau persatuan dengan Kerajaan;

Selain dari isu-isu berkaitan gaji dan elaun-elaun penjawat awam, perkara-perkara lain yang dibincangkan termasuk kemudahan perubatan, peluang kenaikan pangkat, dasar pasca perkhidmatan dan lain-lain perkara yang dapat meningkatkan bakat, kesejahteraan dan kebajikan penjawat awam.

Mengenai isu penambahbaikan gaji penjawat awam, secara umumnya, sejak tahun 2012, Kerajaan telah melaksanakan (6) kali penambahbaikan gaji yang merangkumi;

- a. Pemberian Kenaikan Gaji Tahunan (KGT) sebanyak 3 kali pada tahun 2012, 2013 dan 2016;
- b. Penambahbaikan kepada Jadual Gaji Minimum Maksimum (JGMM) sebanyak 3 kali. Pada 1 Januari 2013, Kerajaan telah menguatkuasakan penambahan sebanyak 3 Kenaikan Gaji Tahunan (KGT) pada gaji maksimum diikuti dengan 2 Kenaikan Gaji Tahunan (KGT) pada gaji maksimum berkuat kuasa pada 1 November 2013. Pada tahun 2016, Kerajaan juga telah menambah 4 Kenaikan Gaji Tahunan (KGT) pada gaji maksimum kepada semua penjawat awam. Pada tahun 2016 juga, Kerajaan telah menetapkan gaji minimum kepada RM1,200 yang telah memberi faedah yang besar kepada golongan Kumpulan Pelaksana; dan

- c. Pergerakan gaji tahunan sebanyak 3% kepada semua penjawat awam yang berada di tangga gaji maksimum mulai tahun 2015 untuk terus menikmati kenaikan gaji tahunan.

Sekian, terima kasih.